

Gesa kerajaan ganti jambatan uzur

Pas mahu tindakan segera diambil pihak berkenaan, buktikan janji kepada rakyat

■ MUHAYUDIN SALLEH

MUADZAM SHAH – Pas menggesa kerajaan mengambil berat aspek keselamatan penduduk Kota Bahagia dan Bandar Tun Razak, di sini yang hampir setiap hari terdedah risiko melalui jambatan sungai Keratong terletak di Kampung Lubuk Batu yang sudah uzur.

Jambatan dibina sekitar tahun 1969 itu menjadi laluan utama sebagai jalan pintasan penduduk dari tujuh kampung di Kota Bahagia untuk ke Bandar Tun Razak atau sebaliknya selain turut dilalui penduduk menghantar anak mereka yang bersekolah di Keratong.

Pesuruhjaya Pas Pahang, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata, isu yang sepatutnya mendapat perhatian kerajaan itu adalah soal keselamatan penduduk di kawasan itu yang setiap hari berdepan risiko apabila melalui jambatan tersebut.

“Ini bukan soal parti itu atau parti ini. Tapi, ia adalah soal keselamatan penduduk di kawasan ini yang berdepan risiko apabila melalui jambatan



ABDUL RAZAK

tersebut. Ibu bapa yang ulang alik hantar dan jemput anak yang bersekolah di Keratong juga melalui jalan ini.

“Sewaktu musim banjir difahamkan jambatan ini juga antara yang terawal tenggelam... secara tidak langsung memutuskan hubungan penduduk Kota Bahagia dengan Bandar Tun Razak yang perlu melalui Lebu Raya Tun Razak dengan jarak jauh,” katanya ketika membuat tinjauan yang turut dihadiri Ahli Parlimen Temerloh, Nasrudin Hassan dan Adun Beserah, Andansura Rabu.

Menurutnya, tindakan segera yang perlu diambil pihak berkenaan adalah memasang



NORBILAH

pagadang di kiri dan kanan jambatan. Namun, tetap perlu diganti dengan jambatan baharu yang lebih menjamin keselamatan.

Dalam pada itu, seorang penduduk, Abdul Razak Aziz, 58, menzahirkan kekesalannya kerana usia jambatan sungai Keratong yang sudah lama dengan bentuk binaan tidak selamat masih dikekalkan hingga kini bagi kegunaan penduduk.

“Saya difahamkan sudah lebih lima kali permohonan dibuat supaya jambatan diganti dengan yang baharu tetapi sampai sekarang ia masih diabaikan begitu walaupun sudah beberapa kali kemalangan



Abdul Razak (tengah) sedang memberi penjelasan mengenai keadaan jambatan sungai Keratong sambil Tuan Ibrahim (kiri) dan Andansura membuat tinjauan.

an berlaku melibatkan kereta dan motosikal terjun ke dalam sungai.

“Kira-kira sebulan lalu yang terbaharu hanyalah memasang palang had muatan kenderaan yang tidak membenarkan kenderaan berat seperti lori yang membawa buah sawit

melalui jambatan ini,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Norbilah Jantan, 50, turut menzahirkan harapannya agar jambatan lama itu dapat diganti baharu yang lebih selamat agar keselamatan mereka terjamin ketika melaluinya hampir setiap hari.

“Kalau ikut jalan ini, dalam 10 kilometer sahaja untuk ke Bandar Tun Razak berbanding ikut lebu Raya dalam 30 kilometer. Berbanding jarak yang jauh... sudah pasti saya akan pilih yang dekat kerana ia banyak menjimatkan bahan api,” katanya.